



Headline: 'Scammer' makin aktif sejak PKP  
Publication/Portal: Harian Metro  
Date: 30 April 2020

Language: Malay  
Section: Lokal  
Page: 18

## 'Scammer' makin aktif sejak PKP

**Kuala Lumpur:** Sindiket penipuan wang semakin aktif sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan.

Tempoh PKP ini sama sekali tidak menghalang *scammer* mencari mangsa terbarunya.

Terdapat tiga sindiket popular di kalangan masyarakat iaitu penipuan melalui telefon atau lebih dikenali sebagai Macau Scam, Penipuan Pinjaman Bank dan Penipuan SMS.

Walaupun, Bank Negara Malaysia (BNM) dan agensi penguatkuasaan seperti polis dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) giat menjalankan kempen kesedaran

mengenai penipuan kewangan namun masih ada lagi orang awam menjadi mangsa penipuan ini.

Pengarah Jabatan LINK dan Pejabat BNM Datin Arlina Ariff berkata, sejak bermulanya PKP pada 18 Mac lalu, BNM TeleLINK menerima lebih 1,100 aduan dan pertanyaan mengenai penipuan kewangan.

Katanya, angka itu jauh lebih tinggi daripada angka direkodkan sebelum PKP.

"Kami dapat separang PKP ini, terdapat banyak pinjaman di-

tawarkan di platform media sosial seperti Facebook, WhatsApp dan WeChat dan ini dipanggil Penipuan Pinjaman Bank.

"Permohonan pinjaman sepatutnya dilakukan di institusi berlesen seperti bank dan pemberi pinjaman wang berlesen.

"Jangan membuat permohonan pinjaman melalui media sosial. Sekiranya ingin memohon pinjaman, anda tidak perlu membayar terlebih dahulu atau membuat bayaran pendahuluan (bayaran mu-

ka) untuk mendapatkan pinjaman terbabit.

"Malah, jangan percaya jika mereka (atau pihak ketiga) mengemukakan surat atau sijil dengan logo atau nama BNM untuk mendapat kepercayaan anda," katanya.

Arlina berkata, orang ramai jangan mudah panik dan mendedahkan maklumat peribadi kepada orang lain walaupun mereka menyamar sebagai polis, kas-tam, pegawai bank, pegawai mahkamah atau sebagainya.

Menurutnya, jika berasa was-was terus hubungi pihak bank kerana semua pusat panggilan dibuka sepanjang PKP ini.

Orang ramai digesa hubungi pihak bank jika berasa was-was